

Negara Islam

Negara Perdamaian

Dalam makalah yang lalu telah diterangkan corak pemerintahan Islam ke dalam. Sekarang mustahak pula kita memperhatikan coraknya ke luar, bagaimana perhubungannya dengan dunia luar, dengan negara-negara lain dan dengan dunia antarabangsa. Walaupun pedoman politik luar negeri selalu berubah-ubah menurut keadaan faktor-faktor yang mempengaruhinya, tetapi Islam sudah menentukan pilihan terhadap dasar politik negaranya, iaitu politik perdamaian. Dasar ketuhanan dan sifat keagamaan dari negara Islam, menyebabkan mereka tidak memilih lain daripada politik damai dan persaudaraan sedunia.

(Dari buah kalam al-Ustādh Zainal Abidin Ahmad)

Pada zaman yang akhir ini, timbullah dalam dunia politik luar negeri, dua falsafah yang bertentangan satu sama lain di dalam menetapkan pedoman politik: Manakah yang lebih asli dan kuat antara peperangan dan perdamaian?

1. Politik Peperangan

Ada sebahagian ahli-ahli falsafah tatanegara, berperdian bahawa peperangan ialah pokok dan asal yang utama, yang tetap dan selalu menguasai perjalanan sejarah. Peranglah yang menimbulkan perubahan dunia sentiasa, punca segala kemajuan dan kecerdasan, dan peperangan itulah yang menjadi tabiat dan kesukaan manusia. Dia yang berkuasa menghapuskan negara yang kalah, dan memberi ijazah atas bangun tumbuhnya sebuah negara baharu. Siapa yang kuat berperang, maka

dialah yang memegang pimpinan dunia, dan dialah pula yang menentukan perjalanan sejarah.

Sejarah tidak lain hanyalah pertalian dari peristiwa peperangan yang sentiasa sambung-menyambung. Jika ada damai, maka perdamaian itu bersifat sementara, sekadar untuk memberi kesempatan bagi negara-negara supaya mempersiapkan diri untuk bertempur dan berperang lagi. Bukanlah perdamaian dan ketenangan yang terdapat di dalam jiwa manusia, tetapi sebaliknya pertentangan dan permusuhan, kegelisahan dan ingin berkuasa adalah menguasai seluruh hawa nafsu manusia itu. Sifat-sifat inilah yang menguasai perhubungan sebuah negara dengan negara lainnya, yang menentukan jarum politik luar negeri dari tiap-tiap negara itu, sehingga peperangan bukanlah dipandang sebagai barang baharu di dalam hubungan

antarabangsa pada umumnya dan hubungan negara dengan negara khususnya.

Falsafah inilah yang sekarang menguasai politik luar negeri dari negara-negara yang moden. Pergaduhan dunia yang tidak berhenti-henti, apalagi kerana cepatnya putaran perang dunia dari yang pertama dahulu kepada Perang Dunia Kedua, dan sekarang telah mengancam pula Perang Dunia Ketiga, semuanya menguatkan falsafah ini. Perantaraan waktu antara satu peperangan kepada peperangan yang lainnya, tidak lain hanyalah untuk berkemas-kemas menghadapi perang yang baharu, dengan membuat senjata-senjata yang makin membahayakan.

Bagi negara-negara yang memegang falsafah perang ini di dalam menjalankan politik luar negerinya, maka soal perang itu tidak lain hanyalah soal waktu belaka, besok atau lusa. Sebab itu, dasar politiknya hanyalah perasaan curiga dan kekhuatiran, persiapan terus-menerus untuk berperang bagi menutup fahamnya itu keluar, selalu dimulai dengan melemparkan tuduhan terhadap negara lain yang dikhuatirinya, bahawa negara itu bersifat penceroboh, sedang negaranya sendiri bertujuan damai dan mempertahankan perdamaian.

2. Politik Perdamaian

Di dalam kekacauan dunia yang tidak berhenti-hentinya itu, sewaktu politik luar negeri dari negara-negara besar dipengaruhi oleh perasaan takut dan curiga, masih ada negara-negara dan ahli-ahli politik yang berdiri teguh di atas dasar "Politik Perdamaian" .. Mereka masih tetap percaya dan terus menaruh harapan baik kepada sifat-sifat baik yang terdapat di dalam jiwa manusia, yang lebih mengutamakan perdamaian daripada peperangan,

persaudaraan daripada permusuhan, dan keamanan daripada kekacauan. Sejahat-jahat nafsu perang yang berkobar-kobar di dalam diri manusia, mesti ada waktunya dapat ditaklukkan oleh fikiran yang sihat, pertimbangan yang adil dan hati yang tulus ikhlas.

Sebab itu, golongan yang kedua ini mendasarkan politik luar negerinya kepada perdamaian. Mengadakan perjanjian politik atau ketenteraan antara negara dengan negara, atau perjanjian *international* bukanlah untuk membahagi-bahagi dunia kepada blok-blok yang satu sama lain berhadap-hadapan dan bertempur, tetapi tiap-tiap perjanjian haruslah berjiwa perdamaian yang abadi dan keamanan dunia. Sifatnya bukanlah suatu persatuan yang mengancam dengan senjata, tetapi haruslah persahabatan yang tulus ikhlas, sehingga perjanjian itu dapat menjadi jaminan bagi perdamaian sedunia, dan mendatangkan faedah bagi sebuah negara dengan lainnya. Bukanlah untuk berlumba-lumba memperbanyak senjata, yang bersifat mencero boh, untuk membunuh atau memusnahkan manusia dan perdamaannya, tetapi senjata diperlukan hanyalah sekadar mempertahankan diri dari bahaya-bahaya yang akan datang.

Pendirian yang kedua inilah yang dipegang kuat oleh Islam semenjak berbelas kurun yang lalu. Walaupun sejarah dunia sudah jauh membelok kepada falsafah yang pertama, falsafah peperangan, tetapi dunia Islam masih tetap merindukan dan berpegang teguh akan ajaran agamanya itu, iaitu politik perdamaian.

Pokok asas yang menentukan arah politik luar negeri dari negara Islam ini, ialah 3 ayat yang utama:

1. Di dalam surah al-Baqarah, ayat 108, firman Tuhan (ertinya):

“Hai sekalian orang yang percaya! Masuklah ke dalam (siasah) perdamaian sebulat-bulatnya, dan janganlah mengikutkan ajakan syaitan (peperangan), sesungguhnya syaitan (peperangan) itu ialah musuh yang nyata bagi kamu.”

2. Di dalam surah al-Hujurat, ayat 13, Tuhan berfirman (ertinya):

“Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Kami menjadikan kamu dari seorang lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan”

3. Dalam surah al-Baqarah, ayat 213, Tuhan berfirman (ertinya):

“Adalah manusia seluruhnya umat yang satu, maka Tuhan mengutus nabi-nabi kepada mereka untuk membawa berita gembira dan (berita) amaran, diturunkan-Nya pula bersama-sama mereka (nabi-nabi) akan kitab-kitab suci dengan (membawa) kebenaran, supaya memberi hukum yang baik antara manusia dalam segala perkara yang mereka perselisihkan, dan tiada bertelingkah di dalamnya melainkan orang-orang yang telah diberi kitab-kitab itu, sesudah datang kepada mereka kenyataan, kerana kesalahan mereka sendiri. Maka Allah memberi pertunjuk kepada orang-orang yang beriman di dalam segala perkara yang benar yang diperselisihkan itu, dengan izin-Nya, dan Allah jua yang memberi pertunjuk kepada orang-orang yang dikehendakinya kepada jalan yang betul.”

Dengan berpedoman kepada tiga ayat yang menjadi pokok politik ini, tiap-tiap negara Islam

menjalankan politik luar negerinya mengharungi arus gelombang politik *international*. Di atas dasar itu diadakan segala perundingan dan perjanjian.

Adapun peperangan di dalam pandangan Islam, hanyalah boleh ditempuh kalau sudah tidak dapat dielakkan lagi.

Ada beberapa sebab yang membolehkan negara Islam mengangkat senjata terhadap negara lainnya:

1. Kerana membela diri, dan
2. Melindungi kehormatan agama.

Al-Shaykh Muhammad al-Khudri telah mengumpulkan di dalam bukunya “Muhaqirāt” (tanggal 1, muka 236) akan ayat-ayat *al-Qur’ān* yang mengenai soal peperangan itu. Ada 9

BUKU-BUKU RUMI				
*Pendidikan	\$1.20
*Akhlak	1.20
*Surat Menyurat	1.50
*Jalan ka-Kota Baharu	1.50
Penglipor	1.50
Panduan Pekedai-pekedai Kechil	0.70
Balek Dari Medan Perjuangan	1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	2.00
Keris Sempena Riau	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50
Sisa Neraka Dunia	1.00
Buku A.B.C. (buku bacaan) di-dalam-nya tiga warna (sedang di-chitak).				
*Kalau memesan hendak-lak sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.				

tempat ayat-ayat di dalam Quran yang berhubung dengan soal peperangan itu dan semuanya itu kalau disimpulkan nyatalah bahawa keizinan berperang hanyalah kerana dua sebab yang kita sebutkan. Tetapi ‘Abd al-Rahmān ‘Azām dalam bukunya “al-Risālah al-Khālidah” menambah lagi sebab yang ketiga bagi peperangan di dalam Islam itu, iaitu:

3. Membela bangsa yang teraniaya.

Dengan beralasan kepada ayat 2, surah al-Mā'idah, yang menyuruh bertolong-tolongan atas kebaikan dan persaudaraan dan jangan bertolong-tolongan atas kejahatan dan permusuhan, ‘Abd al-Rahmān ‘Azām menulis lagi: “Negara Islam boleh mengisytiharkan perang menurut had-had yang dibenarkan oleh syarak, asalkan sahaja tujuannya tidak menyimpang dari keadilan dan membela bangsa yang teraniaya.”

Lebih lanjut ia menulis: “Di atas dasar ini, sebagaimana yang telah kita terangkan, negara Islam dibolehkan ikut di dalam suatu perjanjian seperti Perjanjian Bangsa-bangsa Bersatu ... jika memang nyata bahawa perjanjian itu betul-betul bagi menegakkan keadilan di dunia, sebagaimana negara Islam boleh pula mengajak negara-negara lain mengadakan perjanjian atau persekutuan untuk membela keadilan dan membela bangsa-bangsa yang teraniaya.”

Sungguhpun pintu peperangan sudah dibukakan di dalam perenggan-perenggan yang tertentu – seperti yang dinyatakan di atas – maka Islam memerintahkan pula supaya dengan seberapa segeranya diusahakan berhentinya peperangan itu. Baik berhentinya kerana musuh sudah meminta damai (ayat 90 surah al-Nisā’ dan 61-62 surah al-Anfāl), atau pun kerana mereka sudah kalah perang (ayat 4 surah Muḥammad). Kemudian pula, peperangan secara Islam itu

adalah terikat oleh berbagai adab dan akhlak yang tinggi, yang mesti dihormati oleh tiap-tiap pahlawan Islam yang berjuang. Bukan sahaja pada waktu sebelum perang dimulai dikehendaki menjaga adab tertib yang tinggi, tetapi pada masa peperangan sedang berlaku dengan dahsyatnya, pahlawan-pahlawan Islam mestilah menjaga akhlak dan kesopanan dengan sehabis-habis daya upaya. Kemudian pula, setelah peperangan berhenti, di dalam menyelesaikan segala perkara yang timbul dari peperangan itu (seperti soal tawanan, harta rampasan, dan lain-lainnya), mestilah dijalankan dengan disiplin yang keras sekali, sesuai dengan dasar politik perdamaian yang tetap dipegang teguh.

Inilah gambaran secara ringkas tentang keizinan berperang di dalam Islam dan sekarang marilah kita meninjau lebih jauh tentang politik perdamaian di dalam politik luar negeri – negara Islam.

Umumnya manusia menurut pandangan Islam dari jurusan politik luar negeri, adalah dua macam:

Pertama : Secara perseorangan.

Kedua : Secara bernegara.

Secara perseorangan, manusia itu terbahagi kepada empat golongan:

1. Seagama dan senegara. Sebagai rakyat negara yang satu, mereka mestilah bersatu padu di dalam segala tindakannya.

2. Golongan senegara tetapi berlainan agama. Di dalam hukum Islam mereka dinamakan “*ahl al-Dhimmah*” (kafir *dhimmī* – P.), yakni orang-orang penduduk yang dijamin hak-haknya. Mereka mesti dilayan sebagai

warganegara yang sama haknya dengan kaum Muslimin, baik di dalam politik, ekonomi mahupun sosial.

Hal inilah yang selalu mendatangkan keraguan kepada pihak-pihak luar Islam, membesar-besarkan perbezaan antara warganegara yang beragama Islam dengan rakyat yang senegara yang berlainan agama. Padahal Nabi sendiri pernah meninggalkan pesan: “Orang yang menganiayai akan orang-orang (kafir) *dhimmi* adalah menganiayai aku sendiri.”

3. Golongan seagama tetapi lain negara. Mereka dilayan sebagai saudara kandung, yang mesti hidup bertolong bantu di dalam politik, sosial dan ekonomi.

4. Golongan yang lain agama dan lain negara. Layanan agama Islam terhadap golongan ini – warnegara¹ asing yang tinggal di dalam negara Islam – adalah bergantung kepada sikapnya sendiri, iaitu selama mereka tidak merugikan kepentingan negara Islam, atau selama negaranya berhubung baik dengan negara Islam.

Maka soal yang terpenting terhadap golongan yang keempat ini, ialah kalau sesebuah negara melakukan permusuhan atau mengisytiharkan perang terhadap negara Islam, bagaimanakah tindakan terhadap warganegaranya yang tinggal di dalam negara Islam: Adakah ditawan atau tetap bebas? Dan bagaimana pula tindakan terhadap harta benda mereka: Adakah dirampas kerana disifatkan sebagai musuh, atautah tidak?

Di dalam amalan negara-negara yang moden sekarang, umumnya mereka menawan warganegara dari negara musuh, sedang terhadap hartabendanya ada negara yang merampasnya, dan ada pula yang membekukannya, dan sedikit sekali yang membebaskannya.

Adapun menurut hukum Islam, maka perkara itu lebih luas lagi. Walaupun hukum *international* telah sekata untuk menawan warganegara dari negara musuh, tetapi Islam masih membukakan pintu kebebasan bagi mereka, kalau mereka dijamin oleh warganegara Islam itu. Pernah terjadi di dalam zaman Nabi, bahawa seorang musuh dari kaum Musyrikin diperlindungi dan dijamin oleh seorang perempuan Islam bernama Ummu Hānī'. Saidina 'Alī datang menuntut diserahkan untuk ditawan. Ummu Hānī' pun mengadu kepada Nabi. Setelah hal itu diketahui oleh Nabi (SAW) maka baginda pun bersabda: “Kami melindungi orang yang engkau beri perlindungan wahai Ummu Hānī'.”

Alangkah tinggi budi keislaman terhadap orang-orang yang sudah nyata menjadi musuhnya. Seorang rakyat biasa – lelaki atau perempuan – (dari rakyat negara Islam) dapat memberi perlindungan dan jaminan bagi seorang rakyat negara musuh sehingga orang itu terjamin keselamatannya dan tidak boleh ditawan, apalagi dibunuh, asalkan sikapnya tidak membahayakan negara.

Demikian pandangan Islam dari jurusan politik luar negeri terhadap orang perseorangan. Adapun pandangannya dengan memakai hubungan kenegaraan, maka terbahagi pula kepada beberapa bahagian seperti berikut:

1. Negara Saudara

Negara saudara, ialah negara-negara Islam yang lain. Terhadap negara ini, Tuhan berfirman di dalam surah al-Hujurāt, ayat 10 (ertinya):

(sambungan pada muka 35)

¹ kesilapan ejaan, sebetulnya 'warganegara'

NEGARA ISLAM

(Sambungan dari muka 22)

“Bahawa sesungguhnya (negara-negara) orang yang beriman itu ialah bersaudara, maka perbaikilah persaudaraan antara dua (negara) yang bersaudara itu, dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu mendapat rahmatnya.”

Sebagaimana halnya perhubungan secara perseorangan antara seorang muslim dengan seorang muslim ialah persaudaraan yang kekal, begitulah juga diantara sebuah negara Islam dengan negara Islam yang lainnya, hendaklah bertolong-tolongan dan bantu-membantu di dalam segala perkara yang membawa kebaikan. Sifat tolong-menolong itu tunduk di bawah hukum yang telah ditetapkan oleh Allah ‘azza wa jalla, di dalam surah al-Mā’idah, ayat 3, (ertinya): “Dan bertolong-tolonganlah kamu satu sama lain di atas segala kebaikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan di atas kejahatan dan permusuhan.” Di dalam hubungan persaudaraan negara ini, Tuhan memperingatkan pula terjadinya persengketaan antara dua negara Islam dengan menegaskan sikap yang harus diambil. Mengenai soal ini, Tuhan berfirman di dalam surah al-Hujurāt, ayat 9, (ertinya): “Jika dua golongan (negara) kaum Muslimin berperang, maka hendaklah kamu damaikan keduanya. Kalau (jalan berunding tidak berhasil) satu pihak masih mencero boh, maka perangilah pihak yang mencero boh sampai mereka tunduk kepada hukum Allah. Setelah berhenti, jalankan lagi (perundingan) perdamaian antara keduanya dengan secara adil. Laksanakanlah keadilan, sesungguhnya Tuhan kasih akan orang-orang yang berlaku adil.”

Umat Islam dan negara-negara Islam harus campur tangan di dalam tiap-tiap persengketaan yang terjadi antara negara saudara mereka yang seagama. Campur tangan ini boleh dengan berbagai jalan, seperti dengan menggunakan jasa baik dan seumpamanya. Untuk kepentingan campur tangan bagi perdamaian ini, hendaklah ada sebuah pertubuhan Islam sedunia yang diakui oleh seluruh umat Islam, sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah Ta‘ālā di dalam surah Ali ‘Imrān, ayat 104, (ertinya):

“Dan hendaklah ada diantara kamu satu golongan yang bertugas mengajak kepada kebaikan, menyuruh (berbuat) perkara-perkara yang baik dan melarang daripada (melakukan) perkara-perkara yang jahat, dan merekalah orang-orang yang menang.”

2. Negara Sahabat

Negara sahabat ialah negara-negara yang telah mengikat perjanjian persahabatan dengan negara Islam. Terhadap golongan ini Nabi (SAW) bersabda, ertinya: “Awaslah! Siapa-siapa yang masih berlaku aniaya terhadap “*mu‘āhid*” (orang-orang atau negara yang telah diikat perjanjian dengannya), atau memberatkan dia dengan lebih dari kesanggupannya, atau mengurangi hak-hak yang sudah dijanjikan kepadanya, atau mengambil miliknya dengan tiada keredaan hatinya, maka sayalah yang akan menjadi pembela “*mu‘āhid*” itu pada Hari Kiamat kelak.”

Ada pun soal perjanjian ini, Islam memerintahkan supaya ditunaikan tiap-tiap isi perjanjian dari fasal ke fasal dengan tidak boleh melanggar barang sedikitpun. Dalam surah al-Nahl, ayat 91 dan 91, Tuhan ‘azza wa jalla berfirman, (ertinya):

“Dan sempurnakanlah perjanjian (dengan nama) Allah apabila kamu membuat perjanjian, dan janganlah kamu langgar sumpah perjanjian apabila kamu kuatkan dia, padahal kamu telah menjadikan Allah penjamin. Sesungguhnya Allah amat mengetahui akan apa yang kamu lakukan. Dan janganlah kamu jadi seperti perempuan yang telah merombak habis benang yang telah ditununya dengan kukuh sempurna, (iaitu) kamu jadikan sumpah perjanjian kamu itu sebagai tipu daya di antara kamu, disebabkan golongan (yang berlaku curang itu) lebih ramai dan lebih kuat dari golongan yang satu lagi. Sesungguhnya Allah hanya hendak menguji kamu dengannya (perjanjian itu), dan akan diterangkannya kepada kamu pada Hari Kiamat kelak tentang apa yang kamu perbalahkan itu.”

Berbagai macam perjanjian yang dapat dibuat oleh negara Islam dengan negara lainnya, baik di lapangan politik, ekonomi dan *social*, mahupun di lapangan ketenteraan, untuk kepentingan kedua belah pihak.

Al-Shaykh Muḥammad al-Khuḍrī, di dalam bukunya “*Muḥādirāt*” (penggal pertama) telah mengumpulkan ayat-ayat Quran yang berhubung dengan perintah memenuhi segala perjanjian dan melarang segala perbuatan curang dan khianat. Ada 3 tempat mengenai perintah yang am, dan ada 7 tempat mengenai perintah yang khas.

Politik perdamaian yang dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri dari negara Islam, adalah menuju ke jurusan ini: Mencari sebanyak-banyaknya negara sahabat untuk menciptakan kemakmuran bersama dan perdamaian yang berkekalan.

3. Negara Berkecuali

Negara yang berkecuali ialah negara yang tidak mengadakan perjanjian persahabatan dan tidak pula memusuhi negara Islam. Terhadap negara-negara ini, Tuhan berfirman (ertinya): “Selama mereka bersikap jujur, maka bersikaplah pula dengan jujur kepada mereka”.

Negara Islam yang tidak mencari persengketaan, menjauhi segala macam permusuhan, selamanya bersedia dengan dada yang lapang mengakui keamanan terhadap negara-negara yang tidak mengganggu kehormatannya, dan bersedia pula menerima rakyat negara-negara yang berkecuali itu tinggal di dalam daerahnya. Diri mereka akan dilindungi, kehormatan dan harta-benda mereka diakui dengan sepenuhnya.

Buku-buku untuk Umum dan Sekolah-sekolah.

1. Pelajaran Sembahyang I	\$1.20
2. “ “ II mengenai Imam, Makmum, <i>Masbūq</i> Jenazah ¹ dan lain-lain	\$1.20
3. Mari Sembahyang (untuk kanak-kanak lelaki)	\$1.20
4. Mari Sembahyang (untuk kanak-kanak perempuan)	\$1.20
5. Ibadat Rasulullah (SAW) (tinggal sedikit)	\$3.00
6. Panduan Membaca dan Menulis Jawi	\$1.50
7. Baca I	\$1.00

Buku-buku Sejarah:

1. Muḥammad <i>ṣallā Allāhu alayhi wa ṣallam</i> 1	\$1.20
2. “ “ “ “ “ 2	\$1.20

¹ kesilapan ejaan, sebetulnya ‘jenazah’

Al-Shaykh ‘Abd al-Wahāb Khalāf, di dalam kitabnya “Al-Siyāsah al-Syar’iyyah”, tatkala menerangkan tentang asas perhubungan kaum Muslimin dengan orang-orang lain agama, menyatakan bahawa keamanan yang dapat diberikan oleh negara Islam ada dua macam:

1. Keamanan sementara, iaitu keamanan di dalam masa peperangan. Keamanan itu ada yang bersifat khas, iaitu keamanan terhadap seorang atau sekumpulan musuh yang diberi jaminan oleh seorang atau sekumpulan tentera Islam. Ada pula keamanan yang am, yang hanya dapat diberikan oleh ketua negara Islam atau panglima tentera atas namanya terhadap musuh untuk memberi kesempatan kepada mereka supaya berfikir, umpamanya supaya menyerah atau menerima damai.
2. Keamanan yang kekal, iaitu terhadap negara-negara yang berkecuali, negara-negara yang membuat perjanjian. Hak untuk menetapkan ini atau memansuhkannya hanya di tangan ketua negara atau wakilnya.

Nyatalah bahawa dasar keamanan dan perdamaian sangat dipelihara dengan cermat dan saksama oleh Islam.

4. Negara Perjanjian

Negara perjanjian ialah negara yang masih ada rasa permusuhan terhadap negara Islam tetapi dapat diikat sikap permusuhan dengan suatu perjanjian damai sementara. Walaupun negara Islam cukup mempunyai kesanggupan boleh menundukkan negara lawannya itu, tetapi negara Islam sentiasa memilih jalan aman, dengan mengajaknya berunding untuk mengikat suatu perjanjian damai sementara, umpamanya dalam masa 10 tahun.

Contoh utama dari perjanjian ini ialah “Perjanjian Hūdaybiyyah” (tahun 6 Hijrah – 628 M.), pada ketika itu Nabi sebagai ketua negara Islam telah menandatangani suatu perjanjian damai sementara dengan kaum musyrikin Quraisy selama 10 tahun. Dalam perjanjian itu termasuk juga perjanjian tidak serang-menyerang, yang diadakan orang pada zaman *modern* ini. Cuma ada perbezaan yang sangat jauh di dalam isinya dan tujuannya, seperti perbezaan siang dan malam. Kalau perjanjian “Hadanah” (damai sementara) di dalam Islam adalah bertujuan untuk memberhentikan permusuhan dari kedua pihak dan menjamin keamanan bagi seluruh dunia, maka perjanjian “tidak serang-menyerang” dalam zaman *modern* ini dijadikan sebagai batu loncatan untuk melakukan pencerobohan terhadap negara lain yang dimusuhi, atau sebagai suatu muslihat untuk mengikat kaki tangan negara yang membuat perjanjian itu, sehingga negara yang pertama bebas menyerang negara ketiga yang lainnya.

5. Negara Musuh

Negara musuh yang mencerooh dan menyerang negara Islam, baik disebabkan permusuhan semata-mata, atau kerana melanggar perjanjian yang telah diikat bersama-sama. Terhadap mereka inilah, diizinkan berperang, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah ‘azza wa jalla di dalam *al-Qur’ān al-Karīm* (ertinya):

“Kenapakah kamu tidak memerangi (negara) yang melanggar perjanjian, dan mereka berniat hendak menghalau utusan-utusan Allah, padahal merekalah yang memulakan pencerobohan”

Perisytiharan perang itu baharulah dijalankan sesudah negara Islam berpegang sekuat-kuatnya kepada sabda

Nabi: “Janganlah kamu mencari-cari (alasan) akan bertempur dengan musuh, tetapi adalah lebih baik bahawa kamu memohon keselamatan dari Tuhan”. Lagi pula sekadar memenuhi firman Allah Ta‘ālā di dalam surah Muḥammad, ayat 35, (ertinya): “Janganlah kamu merendahkan diri dan berteriak-teriak meminta perdamaian kepada musuh, sebab kamu ialah kaum yang terhormat”.

Jika perisytiharan perang sudah diisytiharkan, datanglah tugas kewajipan yang baharu atas diri tiap-tiap Muslimin, supaya berjihad bersungguh-sungguh dengan semboyan keperwiraan yang terkenal: “Hidup mulia sebagai bangsa yang menang, atau mati syahid sebagai perwira yang berani”.

Tidak dapat kita membentangkan di sini satu persatu tentang politik perdamaian yang dipegang teguh oleh negara Islam terhadap negara-negara yang memusuhinya. Tetapi secara gambaran ringkas, dapatlah kita menurunkan ringkasan huraian al-Ustādh ‘Abd al-Raḥmān ‘Azzām di dalam bukunya “Al-Risālah al-Khālīdah” (muka 88). Agama Islam yang memandang peperangan sebagai suatu kejahatan, katanya, yang hanya boleh dilakukan kalau sudah tidak ada jalan yang lain lagi, telah mengurangi dengan sedapat-dapatnya akan bahaya kejahatannya dengan berbagai jalan:

1. Sebelum peperangan dimulai, didahulunya dengan berbagai peringatan dan kelonggaran, supaya negara musuh mencabut niatnya (niatnya) hendak berperang itu.

2. Setelah peperangan tidak dapat dihindarkan lagi dan sudah dimulai, diperintakkannya supaya pahlawan-pahlawan Islam janganlah melakukan keganasan,

tetapi hendaklah menjaga disiplin kemanusiaan dan kesopanan.

3. Setelah selesai peperangan dengan kemenangan bagi pihak negara Islam, diperintakkannya pula supaya jalan kebebasan bagi tawanan-tawanan perang diperbanyak dan diperluas, dan lain-lain kemudahan.

Sekianlah gambaran ringkas tentang perhubungan negara Islam dengan dunia luar, baik perhubungan secara perseorangan mahupun perhubungan secara bernegara. Jelaslah bahawa dalam segala perhubungan itu, sehingga saat meletusnya sesuatu peperangan, Islam memegang teguh akan dasar perdamaian.

Agama Islam mengibarkan panji-panji perdamaian, persaudaraan dan persatuan manusia seluruh dunia di dalam politik luar negerinya, baik di dalam hubungan negara dengan negara, ataupun di dalam hubungan *international*.

BACA

Ialah sebuah buku mengenal huruf sambil membaca. Buku bacaan Jawi yang menggunakan cara-cara membaca yang mudah sekali. Gambar-gambarnya baik dan dicetak dengan indahnyanya. Satu-satunya buku bacaan yang bersesuaian dengan keadaan dan masa.

Buku yang pertama telah siap buku yang kedua sedang dicetak – gambar-gambarnya lebih cantik dan lebih menarik. Susunannya sangat molek dan menarik. Diakui sebaik-baik teknik dalam buku bacaan Jawi.

Senaskhah \$1.00 post 10 sen.